

GRAB DIDENDA RM86.8 JUTA

JUNHAIRI ALYASA, HIDAYAH HAIRON, MOHD HAFIZ ISMAIL dan SYAHIDATUL AKMAL DUNYA

MyCC terima banyak aduan

Cadangkan Grab
Malaysia didenda
RM86.8 juta

KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mencadangkan agar syarikat penyedia perkhidmatan seru pанду (e-hailing), Grab didenda RM86.8 juta serta penalti kewangan harian sebanyak RM15,000 sehari bermula semalam.

Cadangan Itu dikemukakan kerana Grab didakwa menyalahgunakan kedudukan dominannya melalui pengenaan beberapa klaus yang membataskan pemandu-pemandunya daripada mempromosikan dan menyediakan perkhidmatan pengiklanan kepada pesaing-pesaing Grab dalam perkhidmatan e-hailing dan pasaran pengiklanan media transit.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail berkata, Grab diberi tempoh 30 hari untuk memberikan representasi mereka kepada MyCC.

"Klausu-klausu itu telah memberikan kesan mengganggu persaingan dalam pasaran berkenaan yang berpremiskan kepada platform pelbagai sisi dengan mewujudkan halangan kemasukan dan perkembangan kepada pesaing-pesaing Grab yang sedia ada termasuk pesaing-pesaing masa hadapan."

"Berikutnya penggabungan di antara Grab dan Uber pada akhir Mac 2018, Grab telah menjadi pemain dominan dalam pasaran e-hailing."

"Sejak penggabungan itu, MyCC telah menerima banyak aduan terha-



Iskandar pada sidang media di pejabatnya di Kuala Lumpur semalam.



- Diasaskan oleh Anthony Tan dan Tan Hooi Ling
- Beribu pejabat di Singapura
- Dilancarkan pada 2011
- Menawarkan perkhidmatan teksi, kereta persendirian dan motosikal di Singapura, Indonesia, Filipina, Malaysia, Thailand dan Vietnam

dap Grab. Berdasarkan aduan-aduan tersebut, MyCC telah membuat pernilaian dan memulakan penyiasatannya ke atas Grab," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.

Iskandar berkata, keputusan cadangan yang dikeluarkan adalah selaras dengan Seksyen 36 AP2010 mem-

bolehkan MyCC menilai dan menyatakan sebab-sebab untuk keputusan cadangannya.

"Ia dikeluarkan kepada syarikat-syarikat terbabit bagi membantu mengumumkan apa-apa maklumat lain bagi menyokong representasi mereka kepada MyCC."

"Bagaimanapun, ini bukanlah keputusan akhir. Grab mempunyai peluang untuk mengemukakan pembelaannya dalam masa yang akan ditetapkan."

"MyCC akan mengeluarkan keputusan akhir di bawah Seksyen 39 atau 40 AP 2010 setelah menilai kesemua representasi serta maklumat dan bukti yang dikemukakan," katanya.

Katanya, AP 2010 berkuat kuasa pada 1 Januari 2010 dan dengan itu, perniagaan haruslah patuh akan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam AP 2010.

Senarai kes yang pernah dikendalikan MyCC

28 FEBRUARI 2017

- MyCC mengambil tindakan terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia dan 22 ahli. Denda yang dicadangkan adalah sebanyak RM213.45 juta.

10 JULAI 2018

- MyCC mengambil tindakan terhadap Dagang Net Technologies Sdn Bhd (Dagang Net) dan mencadangkan penalti sebanyak RM17.4 juta.

4 MAC 2019

- MyCC mengambil tindakan terhadap lapan syarikat melibatkan perolehan perkhidmatan teknologi maklumat (IT) dan mengenakan penalti berjumlah RM1.94 juta kepada lapan syarikat tersebut.

* Sumber: <https://www.mycc.gov.my/bm/kes>



Peranan MyCC

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ialah satu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utamanya adalah untuk melindungi proses persaingan bagi kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi.

FAKTA MENGENAI GRAB

36 juta

Pengguna Grab setakat 27 Jun 2018

2.5 juta

Jumlah pemanduan Grab setakat 28 Disember 2018

200,000

Pemandu Grab di Malaysia

46 juta

Purata pemanduan Grab setiap hari setakat 20 Mac 2019

5.1 juta

Jumlah tempahan diterima setiap bulan setakat 21 Oktober 2014

235

Jumlah bandar yang boleh menyediakan perkhidmatan Grab setakat 5 Oktober 2018

AS\$7.5 bilion

Jumlah perolehan terkumpul Grab setakat 5 Mac 2019

AS\$1 bilion

Purata pendapatan tahunan setakat 23 Ogos 2018

AS\$14 bilion

Nilai syarikat Grab yang dilaporkan setakat 5 Mac 2019

* Sumber:
expandedramblings.com